

# Institut Mentari anjur Seminar Kerjaya

## **Serdang:**

Bagi membantu meningkatkan penjenamaan diri graduan di negara ini, Institut Mentari dan LinkedIn akan menganjurkan seminar kerjaya bertajuk 'Bagaimana menggunakan LinkedIn untuk memulakan kerjaya' dengan penyertaan secara percuma di Universiti Putra Malaysia, di sini, Sabtu ini.

Ketua Eksekutif Institut Mentari, Azroul Liza Khalid, berkata kini bilangan pelajar bergraduat meningkat secara drastik, justeru pelajar haruslah lebih kreatif dalam memasarkan keupayaan diri khususnya melalui media alternatif iaitu internet.

Beliau berkata, pelajar perlu menggunakan medium baharu dalam mencari pekerjaan kerana internet menjadi trend terkini majikan untuk mengiklankan jawatan kosong.

"Menyedari kepakaran LinkedIn sebagai penyedia laman web profesional, kami

merasakan penting bagi pelajar untuk mendapatkan bimbingan secara langsung daripada pakar di LinkedIn sendiri," katanya dalam satu kenyataan.

## **Kelebihan**

Kerjasama itu adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan akan memberi manfaat kepada ramai graduan kita dalam melengkapkan diri untuk mengisi kekosongan di pasaran kerja sesuai dengan kelayakan yang mereka ada.

Ribuan graduan memasuki pasaran kerja setiap tahun menjadikan persaingan di pasaran kerja semakin sengit, justeru hanya mereka yang tahu strategi dalam memasarkan keupayaan diri dengan baik akan mampu bersaing.

Maklumat lanjut, sila hubungi 03-9054 7100 atau e-mel kepada [linkedin-talk@institutmentari.edu.my](mailto:linkedin-talk@institutmentari.edu.my) atau layari laman web kami [www.institutmentari.edu.my](http://www.institutmentari.edu.my)